



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel : +603-88849586 (Aras 3)
+603-88849370 (Aras 4)

Faks : +603-88849315

Laman Web : www.moe.gov.my

KP(BPSH-SPKIA)703/17 (18)

3 April 2014

Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan,

PENAMBAHBAIKAN AKTIVITI PEMBANGUNAN SAHSIAH MURID DI ASRAMA HARIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan, Bahagian ini sedang meneruskan usaha penambahbaikan dan pembangunan menyeluruh pengurusan asrama dan murid di asrama-asrama harian di seluruh negara. Salah satu aspek utama yang dikenalpasti untuk diberikan fokus adalah pembangunan sahsiah murid di asrama.

3. Sehubungan dengan itu, melalui Transformasi Asrama Harian, telah digariskan beberapa inisiatif dalam memacu pembangunan sahsiah murid-murid yang menduduki asrama. Inisiatif tersebut termasuklah :

- i. C1 : Program Penghayatan Kerohanian (Murid Islam)
- ii. C2 : Program Moral dan Nilai Murni (Murid Bukan Islam)
- iii. C3 : Penerapan Kemahiran Kepimpinan dan *Softskill*
- iv. C4 : Peningkatan Tahap Pengurusan Diri Murid

(Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui Buku Ringkasan Fokus Transformasi Asrama Harian yang boleh dimuat turun melalui alamat www.moe.gov.my/v/Tranformasi-Asrama-AH)

4. Inisiatif C1 dan C2 diterjemahkan dalam bentuk aktiviti/program seperti Solat Subuh, Maghrib dan Isyak secara berjemaah (**diwajibkan**), Majlis Bacaan Yaasin bersama pentadbir/guru, Kuliah Subuh dan pengisian keagamaan (Fardhu Ain, Kelas Al-Quran dll)/moral di antara waktu maghrib dan Isyak di surau/mussola. Bagi Inisiatif C4, aktiviti pemeriksaan pagi (*Roll Call*) hendaklah dijalankan untuk memastikan tempat penginapan dan persekitaran di asrama dalam keadaan yang teratur dan bersih sebelum murid meneruskan aktiviti PdP di sekolah.

"1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4186



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR4186

5. Selain itu, terdapat "**Masa Kualiti**" (Hari Sabtu 8.00 pagi – 11.00 pagi minggu murid tidak pulang bermalam) yang diperuntukkan untuk aktiviti/program tambah nilai (*Value Added*) khas untuk murid asrama seperti Program Kemahiran Cara Belajar, Kelas Bahasa Intergrasi (Komunikasi), Program Penerapan Kemahiran Kepimpinan (Inisiatif C3), Kelas Bimbingan Mata Pelajaran Kritikal dan lain-lain. Bersama ini disertakan Jadual Mingguan Murid Asrama (Tentatif) untuk tujuan penyelarasan seluruh negara (**JADUAL 1**). Walau bagaimanapun, pihak pentadbir sekolah boleh merancang dan menyesuaikan pelaksanaan dan penambahbaikan ini agar sesuai dengan perancangan dan jadual/program sedia ada di sekolah masing-masing.

6. Sehubungan itu, jasa baik YBhg. Datuk/Tuan adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada semua sekolah harian berasrama di bawah jabatan YBhg. Datuk/Tuan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung ke Bahagian ini melalui e-mel bahrin@moe.gov.my atau juraidah.jalaluddin@moe.gov.my atau telefon 03-88849390/ 9409/ 9394.


Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" KEMENJADIAN MURID ASRAMA TANGGUNGJAWAB BERSAMA "

Saya yang menurut perintah,


DATIN RASHIDAH BT MD YUSOF
b/p Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

**JADUAL MINGGUAN MURID ASRAMA HARIAN (TENTATIF)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

MASA HARI	5.30-6.30 am	7.00 am	7.30am-3.00pm	3.00-4.30pm	4.30-5.30pm	5.30-6.30pm	7.00-9.00pm	9.00-11.00pm
ISNIN							Solat Maghrib & Isyak Berjemaah + Pengisian Keagamaan & Moral Antara Waktu Solat	Kelas Persediaan Berfokus (Bimbingan Guru Mata Pelajaran)
SELASA							Solat Maghrib & Isyak Berjemaah + Bacaan Yaasin Bersama Pentadbir & Guru	
RABU							Solat Maghrib & Isyak Berjemaah + Pengisian Keagamaan & Moral Antara Waktu Solat	
KHAMIS	Solat Subuh Berjemaah	Pemeriksaan Pagi (Roll Call)	Waktu Persekolahan	Kelas Persediaan (Tugasan & Kerja Rumah) @ 9.00am – 10.30am (Murid Sesi Petang)	Solat Asar & Minum Petang	Riadah & Aktiviti Kokurikulum		
JUMAAT								
SABTU	Solat Subuh Berjemaah & Kuliah Subuh		"MASA KUALITI" 8.00am – 11.00 am Kelas Bimbingan MP Kritikal @ Kemahiran Cara Belajar @ Kelas Bahasa Intergrasi @ Kemahiran Kepimpinan Dll.			Aktiviti Senggang	Solat Maghrib & Isyak Berjemaah + Pengisian Keagamaan & Moral Antara Waktu Solat	Aktiviti Senggang (Wayang Gambar/TV/Vid eo Games DLL)
AHAD							Solat Maghrib & Isyak Berjemaah + Pengisian Keagamaan & Moral Antara Waktu Solat	Kelas Persediaan Berfokus (Bimbingan Guru)